



KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD
No 31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU Terengganu
Jalan Hiliran
21000 Kuala Terengganu
Terengganu

Tel: +609-622 1881
Faks: +609-626 4358
Portal Rasmi: www.koguru.my



PERNYATAAN POLISI PRIVASI & KESELAMATAN DATA

KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD

Ditubuhkan pada : 1965
Sijil Pendaftaran No : 4128

PERNYATAAN POLISI PRIVASI & KESELAMATAN DATA **KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD**

1. PENGENALAN

- 1.1. Pernyataan Privasi ini menjelaskan bagaimana Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad dan cawangan-cawangan di seluruh Malaysia termasuk My Ar-Rahnu, DOBI CIKGU, MY TAMU (dirujuk secara kolektif sebagai “KOGURU” atau “kami”) mengumpul, menyimpan, dan mengendali maklumat peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) individu-individu selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”) dan undang-undang Malaysia;
- 1.2. Sila baca Pernyataan Privasi ini untuk memahami bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi yang kami mungkin kumpulkan daripada anda. Dengan memberi Maklumat Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju akan Pernyataan Privasi ini dan pengumpulan, penggunaan, pengaksesan, pemindahan, penyimpanan dan pemrosesan maklumat peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Pernyataan Privasi ini.
- 1.3. Apa Yang Diterangkan Oleh Pernyataan Privasi ini;
 - 1.3.1. Skop maklumat peribadi yang kami kumpulkan;
 - 1.3.2. Sumber maklumat peribadi anda;
 - 1.3.3. Tujuan Pengumpulan Maklumat Peribadi Anda;
 - 1.3.4. Pendedahkan maklumat peribadi anda;
 - 1.3.5. Hak anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda;
 - 1.3.6. Kegagalan Memberikan Maklumat;
 - 1.3.7. Perlindungan; dan
 - 1.3.8. Pindaan Dasar.

2. SKOP MAKLUMAT PERIBADI

- 2.1. Maklumat peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda. Ia merangkumi apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk membezakan, mengenal pasti atau menghubungi anda; dan
- 2.2. Secara amnya, maklumat peribadi merangkumi, maklumat mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor gaji, alamat, jantina, bangsa, warganegara, alamat yang boleh dihubungi, alamat e-mel, pendidikan, pekerjaan, telefon atau nombor faks, alamat sebelum ini, agama, butiran perbankan, butiran waris dan maklumat lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

3. SUMBER MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Kami mungkin mengumpul maklumat peribadi secara terus daripada anda apabila anda:-

- 3.1. berkomunikasi dengan kami (contohnya apabila anda serahkan borang permohonan untuk menjadi anggota kami, atau apabila anda menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan);
- 3.2. membuat sebarang permohonan pembiayaan kredit daripada kami;
- 3.3. mendaftar untuk atau melanggan Produk dan/atau Perkhidmatan tertentu;
- 3.4. menggunakan perkhidmatan pembiayaan melalui panel rasmi KOGURU;
- 3.5. menyertai mana-mana kaji selidik kami;
- 3.6. memasuki atau menyertai mana-mana atau program yang dianjurkan/dikendalikan oleh KOGURU (contohnya, LADAP, KAUNTER EKSPRES);
- 3.7. mendaftar minat dan/atau memohon maklumat mengenai (melalui portal dalam talian atau saluran-saluran lain kami) atau melangani Produk dan/atau Perkhidmatan kami;
- 3.8. menjawab apa-apa bahan pemasaran yang kami hantar keluar;
- 3.9. memulakan hubungan perniagaan dengan kami (contohnya, sebagai pembekal, panel perkhidmatan/rakan perniagaan);
- 3.10. mengunjungi mana-mana pejabat kami;
- 3.11. melawat atau melayari laman-laman web kami;
- 3.12. membuat aduan kepada kami;
- 3.13. memberi maklum balas kepada kami (contohnya melalui laman web kami, email, atau secara salinan bercetak); dan
- 3.14. Selain daripada maklumat peribadi yang diperolehi secara terus daripada anda (seperti yang dinyatakan di atas), kami juga mungkin memperolehi maklumat peribadi anda daripada pihak-pihak ketiga yang berurusan dengan kami atau yang berkaitan dengan anda (majikan anda, agensi rujukan kredit (CCRIS, CTOS), ANGKASA, SKM, Bursa Suq Al-Sila atau institusi kewangan), dan daripada mana-mana sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran kepada pendedahan maklumat berkaitan dengan anda, dan/atau di mana dibenarkan oleh undang-undang.

4. TUJUAN

Segala maklumat peribadi yang dikumpulkan daripada adalah untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada anda selaku anggota KOGURU. Kami juga mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi daripada anda atau daripada kategori pihak-pihak ketiga yang dinyatakan dalam Pernyataan Privasi ini, untuk satu atau lebih tujuan-tujuan berikut:-

- 4.1. untuk mengesahkan identity anda;
- 4.2. untuk menghantar maklumat melalui e-mel, panggilan telefon, SMS atau aplikasi rangkaian sosial atau internet media sosial tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KOGURU dan pihak ketiga;
- 4.3. untuk memproses komunikasi yang anda hantar kepada kami (contohnya, menjawab pertanyaan melalui media sosial, sms, email dan menangani apa-apa aduan dan maklum balas);
- 4.4. untuk menyediakan anda dengan Produk dan/atau Perkhidmatan yang dipinta oleh anda;
- 4.5. untuk mempertimbangkan dan memproses permohonan/permintaan anda untuk Produk atau Perkhidmatan kami;
- 4.6. untuk mengendalikan dan mengurus Produk dan/atau Perkhidmatan yang kami sediakan anda (termasuk pengenaan bayaran, potongan bayaran bulanan, kemudahan pembayaran dan memungut hutang)
- 4.7. untuk menyiasat dan menyelesaikan apa-apa isu pembiayaan, perkhidmatan, pertanyaan mengenai, aduan atau pertanyaan-pertanyaan lain yang anda beri kepada kami;
- 4.8. untuk penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran perkhidmatan atau produk sama ada terkini atau pada masa hadapan kepada anda;
- 4.9. untuk menilai dan/atau mengesahkan kelayakan pembiayaan anda;
- 4.10. untuk mengesahkan status sebenar kredit anda dengan institusi berkaitan seperti, Unit Pentadbiran Sekolah, Angkasa dan lain-lain institusi kewangan selaras dengan undang-undang semasa;
- 4.11. untuk menjalankan sebarang aktiviti pembiayaan berlandaskan Tawwaruq melalui transaksi komoditi dengan pihak ketiga;
- 4.12. untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan;
- 4.13. untuk sentiasa berhubung dengan anda dan menyediakan anda dengan maklumat yang dipinta;
- 4.14. untuk memberi anda manfaat kebajikan sebagai seorang anggota KOGURU mengikut kelayakan semasa;

- 4.15. untuk menjalin dan menguruskan dengan lebih baik apa-apa perhubungan perniagaan yang kami mungkin ada dengan anda;
- 4.16. untuk membantu kami memantau dan memperbaiki prestasi Produk dan Perkhidmatan, Laman Web, media sosial dan untuk menjadikannya lebih berkesan.
- 4.17. untuk menyenggara dan membina sistem dan infrastruktur KOGURU, termasuk pengujian dan penaikan taraf sistem-sistem tersebut sama ada secara web atau sistem dalaman;
- 4.18. untuk menguruskan latihan kakitangan dan jaminan kualiti;
- 4.19. untuk memaklumkan anda mengenai manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri Produk dan/atau Perkhidmatan kami
- 4.20. untuk memastikan cara kami dapat memperbaiki perkhidmatan kami kepada anda
- 4.21. untuk menghasilkan data, laporan dan statistik anggota bagi tujuan meningkatkan mutu perkhidmatan KOGURU secara bersasar;
- 4.22. untuk menjalankan aktiviti pemasaran;
- 4.23. untuk menyenggara rekod-rekod yang diperlukan untuk tujuan keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang yang lain;
- 4.24. untuk mematuhi keperluan undang undang dan pengawalseliaan; dan
- 4.25. untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh apa-apa undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak-pihak pengawalselia berkuasa yang berkenaan.

5. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Sebagai sebahagian dari penyediaan Produk dan/atau Perkhidmatan kami dan pengurusan dan/atau operasinya, kami mungkin diperlukan atau dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai anda kepada pihak-pihak ketiga yang berikut:

- 5.1. agensi-agensi penguatkuasa undang-undang;
- 5.2. agensi-agensi kerajaan;
- 5.3. cawangan dan/atau perniagaan di bawah KOGURU, termasuk yang ditubuhkan pada masa hadapan;
- 5.4. rakan perniagaan dan sekutu yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan atau produk berkaitan dengan perniagaan kami;
- 5.5. juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau lain-lain penasihat kewangan atau profesional yang dilantik berhubung dengan perniagaan kami;

- 5.6. pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami, panel berdaftar KOGURU, syarikat-syarikat pengurusan pihak ketiga, subkontraktor atau pihak-pihak lain yang dianggap perlu oleh kami untuk memudahkan urusan anda dengan kami;
- 5.7. rakan niaga kami dan pihak-pihak lain untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengan tujuan pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda; dan
- 5.8. pihak-pihak lain di mana anda telah memberikan kebenaran nyata atau tersirat.

Pihak ketiga juga tertakluk kepada undang-undang semasa tugas untuk memproses Data Peribadi anda selaras dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh KOGURU. Pihak ketiga juga secara sah bertanggungjawab untuk mendapatkan Data Peribadi anda pada tahap keselamatan yang sesuai berhubung dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan dan piawaian industri yang diterima secara meluas.

6. HAK AKSES

Anda mempunyai hak untuk memohon akses dan sekiranya ia diperlukan, untuk meminda pembetulan terhadap Data Peribadi anda dalam rekod kami. Anda mempunyai hak untuk:

- 6.1. Memohon akses kepada Data Peribadi anda di dalam rekod kami untuk tujuan pengesahan. Anda boleh mengakses dan mengkaji semula semua data peribadi yang disimpan oleh kami di pejabat yang terletak di alamat yang diberikan dalam di bawah;
- 6.2. Memohon membuat pembetulan terhadap Data Peribadi anda dalam rekod kami sekiranya maklumat tidak tepat, mengelirukan, maklumat luput atau tidak lengkap selepas pengesahan dan pengesahan maklumat baru yang dibuat oleh anda sendiri di pejabat yang terletak di alamat yang diberikan di bawah;
- 6.3. Memohon pembuktian polisi dan prosedur berhubung dengan pemeliharaan dan jaminan Data Peribadi anda dalam rekod kami;
- 6.4. Memohon penjelasan secara spesifik atau penerangan dasar-dasar dan prosedur berhubung dengan data dan jenis data peribadi yang dikendalikan oleh kami; dan

Jika anda ingin memohon untuk tujuan akses, mengkaji semula, meminda dan membetulkan Data peribadi, sila rujuk alamat di bawah:

Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad
31, Tingkat Bawah, Wisma Koguru
Jalan Hiliran,
21000 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
E-mail : pengurusan@koguru.my
Tel : 09-6221881 / 09-6228881 / 09-6264358

Anda digalakkan untuk sentiasa mengemaskini sendiri maklumat peribadi anda secara dalam talian di **www.koguru.my** melalui pautan menu peribadi anggota.

7. KEGAGALAN MEMBERIKAN MAKLUMAT

Data Peribadi yang diberikan kepada kami adalah kesemuanya bersifat sukarela dan anda tidak berada di bawah apa-apa obligasi atau paksaan untuk berbuat demikian. Kegagalan untuk memberi Data Peribadi mungkin akan menyebabkan yang berikut, yang mana kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripadanya:

- 7.1. Ketidakupayaan kami untuk menyediakan anda dengan, perkhidmatan dan / atau produk yang diminta;
- 7.2. Ketidakupayaan kami untuk mengemaskinikan anda dengan notis terkini dan/atau produk/perkhidmatan terbaru; dan
- 7.3. Ketidakupayaan untuk mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, oleh undang-undang, garis panduan dan / atau kod yang bersesuaian dengan kami.

8. PERLINDUNGAN

Data peribadi anda akan disimpan dan diproses dengan cara yang selamat. Perlindungan pentadbiran dan keselamatan yang sesuai, polisi dan prosedur akan dilaksanakan, sehingga yang dapat dilaksanakan, mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kami akan, sehingga yang dapat dilaksanakan, mencuba untuk menghalang mana-mana pemprosesan yang tidak sah dan/atau menyalahi undang-undang, dan kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan dan kemusnahan yang tidak dibenarkan kepada Data Peribadi anda.

KOGURU komited untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai secara teknikal, fizikal dan organisasi untuk melindungi Data Peribadi anda terhadap akses yang tidak dibenarkan, pemprosesan yang menyalahi undang-undang, kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan, dan kemusnahan yang tidak dibenarkan.

Peruntukan ini perlu di patuhi bagi semua pentadbir pihak ketiga yang boleh mengakses Data Peribadi anda, seperti yang dinyatakan dalam tajuk kecil 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' di atas.

9. PINDAAN DASAR

KOGURU mungkin perlu mengubah suai Polisi Privasi & Keselamatan Data seperti yang diperlukan, sebagai contoh, untuk mematuhi perubahan dalam operasi perniagaan atau undang-undang dan peraturan-peraturan. KOGURU akan mencatat semua perubahan kepada polisi ini.

muka surat ini sengaja dibiarkan kosong